

Jual rumah kos rendah kepada golongan berpendapatan tinggi

BIT - 15/4/2004, m/s: 1 & 2

Kabinet tidak setuju: PM

KUALA LUMPUR: Kabinet tidak bersetuju dengan cadangan kerajaan Selangor menjual rumah kos rendah kepada golongan berpendapatan tinggi, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri menegaskan, Kabinet tetap berpegang bahawa dasar kerajaan menyediakan rumah kos rendah adalah untuk dimiliki mereka yang berpendapatan rendah.

"Dasar ini dasar Kerajaan Persekutuan yang mesti juga diterima pakai kerajaan negeri," katanya dalam satu kenyataan menerusi Bernama petang semalam.

Kenyataan itu menjelaskan pendirian Kerajaan Pusat berhubung pengumuman Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo mengenai

Tambahan RM35.5 juta bina rumah murah - Muka 6

cadangan negeri itu untuk membuka pendaftaran rumah kos rendah kepada semua golongan termasuk orang bujang dan golongan berada.

Walaupun keputusan itu menerima bantahan pelbagai pihak Dr Mohamad Khir pagi semalam menjelaskan, tindakan berkenaan bertujuan mengelak pemaju daripada menanggung kerugian besar.

Malah, bercakap kepada pemberita selepas ditemuramah TV3 pagi semalam, beliau berkata pengumumannya mengenai perkara itu menimbulkan salah anggap banyak pihak termasuk Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting.

Abdullah menegaskan, jemaah menteri mengambil perhatian terhadap isu itu yang hangat dibincangkan di akhbar dengan pelbagai pihak membincangkan cadangan kerajaan Selangor itu.

"Kabinet berpendapat punca masalah penjualan rumah kos rendah ini mesti dikaji bagi membolehkan golongan berpendapatan rendah memiliki kediaman mereka sendiri.

Dengan itu, beberapa perkara perlu diberi pertimbangan dan diusahakan.

"Yang pertama, kaedah pembiayaan mesti lebih inovatif supaya pembayaran muka dan ansuran dapat dikurangkan," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata, satu daripada langkah untuk membolehkan golongan berpendapatan rendah memiliki rumah ialah bermula dengan menyewa untuk tempoh tertentu dan bayaran sewa itu boleh ditukar sebagai bayaran ansuran bagi memiliki rumah berkenaan.

Selain itu, katanya, kriteria kelayakan yang lebih sesuai dan tidak hanya berlandaskan kepada pengiraan gaji bagi pembeli rumah jenis itu perlu dikaji semula.

"Misalnya pasangan yang berpendapatan RM1,500 dan mempunyai enam atau tujuh orang anak mungkin lebih susah kehidupannya daripada pasangan berpendapatan RM1,000 tetapi tidak mempunyai anak.

"Ini bermakna, untuk wujudkan formula baru, apa yang perlu diambil kira ialah jumlah pendapatan dan tanggungan seperti bilangan anak,

Pertemuan pembeli, pemaju atasi lebihan rumah murah

DARI MUKA 1

ada ibu dan ayah duduk bersama mereka dan selepas itu baru ditentukan kelayakan untuk membeli rumah," katanya.

Abdullah berkata, mereka berpendapatan lebih tinggi daripada jumlah yang dianggap berpendapatan rendah mungkin layak membeli rumah. "Tetapi formula ini mesti dialusi dengan teliti dengan mengambil kira faktor lain jika perlu," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, dalam zaman teknologi canggih ini, reka bentuk rumah berkualiti dan lebih luas mungkin dapat dibina, manakala lokasi sesuai yang dikenal pasti mesti dilengkapi kemudahan seperti pengangkutan awam untuk penduduk berulang-alik dari rumah ke tempat kerja.

Sehubungan itu, katanya, Kabinet mencadangkan agar satu ekspo rumah kos rendah diadakan dalam masa terdekat di mana mereka yang layak membeli dijemput melihat dan memilih rumah kos rendah sedia ada di beberapa kawasan seperti di Selangor dan mungkin di negeri lain.

Ekspo itu akan membolehkan pembeli dan penjual rumah bertemu serta berbincang mengenai harga, syarat dan kemudahan pinjaman.

"Masalah rumah berkenaan tidak dapat dijual mungkin disebabkan tidak ada pertemuan antara mereka yang hendak membeli rumah dengan pemaju. Maka tidak ada titik pertemuan antara pembekal rumah dan pembeli.

"Tiadanya titik pertemuan ini boleh mewujudkan satu keadaan lebihan bekalan atau kurang bekalan rumah," katanya.